

**Jemaah Haji Dinasihati Menjaga Imej Dan Maruah Negara - Titah Agong Bernama**  
**10 Oktober , 2011**

PETALING JAYA, 10 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin bertitah agar jemaah Haji Malaysia menjaga imej dan maruah negara apabila berada di Tanah Suci.

Baginda turut bertitah agar semua jemaah Haji sentiasa mengikuti arahan pihak berkuasa tempatan serta peraturan-peraturan yang digariskan Tabung Haji kerana ia dilaksanakan untuk menjamin keselamatan jemaah serta melicinkan lagi proses mengerjakan haji.

"Beta berharap para jemaah sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni terutamanya dalam kalangan jemaah haji itu sendiri, mengamalkan sikap bertolak ansur dan saling mengingati antara satu sama lain," titah Seri Paduka sambil mengucapkan selamat jalan kepada 447 jemaah Haji yang akan berangkat ke tanah suci di Kompleks Tabung Haji di Kelana Jaya di sini Isnin.

Jemaah-jemaah tersebut terdiri daripada 206 lelaki dan 241 perempuan yang terpilih bagi penerbangan ke-36 tahun ini yang dijangkakan tiba di Madinah pada 11.50 malam (6.50 petang waktu Madinah).

Baginda turut bertitah agar jemaah Haji Malaysia sentiasa menjaga kebersihan diri serta di sekeliling yang boleh menjadi punca penyakit dan seterusnya menjejaskan kesihatan.

Sementara itu Menetri di Jabatan Perdana Menteri Datuk seri Jamil Khir Baharom berkata tahun ini, seramai 28,000 orang dapat menunaikan haji dan setakat ini 38 peratus daripada jumlah jemaah telah bertolak ke Tanah Suci.

Seramai 800 pegawai kakitangan yang dilantik Tabung Haji untuk berada di Mekah, Madinah, Arafah dan Jeddah bagi menyempurnakan urusan jemaah haji pada musim ini, kata beliau kepada pemberita selepas majlis itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=619015>